

ATASI KESAN INTERNET KEPADA REMAJA



PERKEMBANGAN pesat dalam bidang telekomunikasi dan maklumat memudahkan capaian kepada aplikasi Internet dan sesiapa pun boleh melayarinya. Tidak dinafikan kebanyakan ibu bapa bimbang dengan fenomena remaja yang melayari Internet tanpa pemantauan akan mendatangkan pelbagai kesan negatif.

Keresahan dan kebimbangan ini dapat dirasakan oleh kebanyakan ibu bapa apabila kanak-kanak dan remaja asyik dan terpengaruh dengan budaya hedonisme yang hanya mementingkan keseronokan dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran dan masa hadapan mereka. Tambahan pula jika ibu bapa pula ialah individu yang "buta Internet" dan tidak mengetahui akan kebaikan dan keburukannya.

Hal ini disebabkan di kawasan berhampiran kediaman terdapat banyak kafe siber yang menyediakan kemudahan Internet dengan bayaran yang murah. Disebabkan tiada pemantauan, kanak-kanak dan remaja selalu ponteng sekolah dan juga ponteng tuisyen di kafe siber berdekatan sekolah. Pelbagai jenayah siber dilakukan dalam kalangan remaja.

Menurut rekod Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, kerugian berjumlah lebih RM63 juta dicatatkan pada 2010 berhubung kes jenayah siber berbanding RM22 juta pada 2009. Peningkatan secara mendadak dalam kes jenayah siber berikutan pertambahan bilangan individu celik teknologi maklumat (IT) yang dianggarkan mencecah 16 juta orang.

Bagi tempoh lima tahun akan datang, kerajaan mungkin akan menanggung kerugian

RM2.73 juta sekiranya jenayah siber tidak ditangani dengan baik. Kerjasama dan tanggungjawab semua pihak sangat diperlukan bagi mengatasi masalah ini.

Terdapat beberapa sebab golongan muda begitu terangsang melayari Internet antaranya tarikan Internet lebih menyeronokkan. Melalui Internet mereka mudah untuk mendapatkan maklumat terkini. Tidak salah mereka mempunyai perasaan ingin tahu dan sentiasa mengikut perkembangan yang berlaku di seluruh dunia.

Yang menjadi kesalahan adalah kebebasan yang disalahgunakan oleh mereka dengan melayari laman sesawang yang memaparkan kandungan yang bertentangan dengan amalan hidup kita. Akhirnya, akan menyebabkan anak sukar menurut cakap ibu bapa dan kadang kala melawan cakap ibu bapa.

Secara purata kanak-kanak dan remaja Malaysia yang berumur 8 hingga 18 tahun menghabiskan masa selama 19 jam setiap minggu untuk melayari Internet. Paparan pelbagai video dengan masa keseluruhan 48 jam di muat naik ke You Tube setiap hari. Sebanyak 23 peratus masa dihabiskan di atas talian untuk media sosial atau blog oleh golongan muda.

Remaja ini dikatakan mudah terdedah kepada unsur negatif alam siber yang akhirnya mempengaruhi gaya hidup mereka. Pelajar yang ketagihan Internet akan mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran. Generasi muda juga akan menghadapi

krisis kekelaruan identiti dan hilang jati diri, iaitu bukan daripada acuan sendiri. Budaya popular melalui filem, muzik dan lagu mempengaruhi dan menguasai pemikiran kebanyakan remaja.

Pengaruh Internet juga banyak meruntun kanak-kanak dan remaja dengan gaya hidup asing dan melupai gaya hidup sendiri yang berpaksikan kesantunan dan kesopanan dalam percakapan dan perlakuan.

Selain itu, pengaruh asing juga mendorong generasi muda ke arah pemikiran liberal. Hal ini akan melunturkan jati diri golongan muda sebagai masyarakat Timur. Pengaruh budaya Barat yang menjurus kepada budaya hedonisme semakin menular dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja.

Golongan muda semakin sukar merealisasikan hala tuju negara secara menyeluruh dan begitu mudah mencontohi apa-apa yang dihidangkan menerusi Internet. Perkara ini boleh menjerumuskan generasi muda dalam pelbagai masalah sosial. Sebagai contoh, pengaruh pornografi juga akan menguasai pemikiran mereka.

Langkah terbaik mengatasi masalah ini dengan menubuhkan agensi yang mengawal laman sesawang daripada mudah dilayari oleh golongan remaja. Pusat Keselamatan Siber Nasional boleh juga diwujudkan bagi mengatasi masalah penggunaan Internet dalam kalangan remaja. Penubuhan Sekretariat Multilateral yang berfungsi untuk memantau bahan siber perlu digerakan untuk menyelamatkan generasi muda

negara dari terus hanyut dan tenggelam dalam arus teknologi Internet.


Kerajaan juga boleh menghadkan masa operasi kafe siber tidak melebihi 12 jam sehari dan tidak beroperasi di kawasan berdekatan dengan kawasan sekolah. Pelan strategik bagi memastikan keselamatan kandungan bahan Internet juga mesti segera diwujudkan untuk memastikan agar laman yang dilawati hanya laman yang tidak merosakkan akhlak remaja.

Usaha menerbitkan buku panduan keselamatan penggunaan Internet patutlah dilakukan demi kefahaman dan juga sebagai penerangan kepada kanak-kanak dan remaja yang di bawah umur.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan anak muda dan remaja melayari laman sesawang yang bercorak negatif antaranya dipengaruhi oleh rakan sebaya. Selain itu, hal ini didesak oleh perasaan ingin tahu yang membuak-buak dan menggagap bahawa tindakan itu sebagai cara untuk bersuka-suka.

Golongan muda perlu menerima penjelasan ibu bapa bahawa melayari Internet bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan bukannya terpengaruh dengan pelbagai gejala negatif. Golongan muda perlu tahu bahawa Internet akan melaikan pelajaran dan membuang masa tanpa faedah.

Sebagai pelajar, remaja juga harus ada kesedaran dalam diri dan bertanggungjawab ketika melayari Internet. Isu berkaitan perpaduan kaum mestilah dielakkan. Provokasi dan fitnah juga boleh membawa kepada kesalahan dan akan didakwa. Berhati-hatilah ketika menulis apa-apa sahaja di laman Facebook dan Twitter dan melayari Internet dengan akal yang bijaksana.

Oleh itu, hanya melalui pendidikan keimanan, kepentingan ibadah, kemampuan akal untuk berfikir dan ketinggian akhlak yang mampu menolak dan menjauhkan remaja dengan pelbagai gejala negatif daripada Internet. 

Gambar:

Penggunaan internet yang tidak dibendung kini boleh menjerumuskan remaja ke pelbagai masalah sosial.

